



Ruj. Kami: UPMH/UPMET/4-2/7 (4)

Tarikh: 16 Jun 2023

Semua Pelajar
Program Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Putra Malaysia

Tuan/Puan,

**PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER KEDUA 2022/2023 BAGI PROGRAM PENDIDIKAN
JARAK JAUH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Pertengahan Semester Kedua 2022/2023 telah dijadualkan pada **14 – 16 Julai 2023 (Jumaat – Ahad)** di pusat pembelajaran terpilih. Sila rujuk jadual peperiksaan terkini dalam laman web UPM Education & Training **satu minggu** sebelum hari peperiksaan sekiranya terdapat perubahan.

3. Sehubungan dengan ini, pihak UPM Education & Training menyokong agar tuan/puan mendapatkan cuti tanpa rekod daripada Ketua Jabatan atau majikan masing-masing bagi menghadiri peperiksaan berkenaan.

4. Bagi peperiksaan yang dijalankan secara bersemuka, semua pelajar adalah diwajibkan untuk membawa **Slip Pendaftaran Kursus** semester terkini ketika peperiksaan dijalankan sebagai rujukan dan semakan kod kursus. Pelajar juga tidak dibenarkan menukar pusat peperiksaan tanpa kelulusan Unit Akademik UPM Education & Training. Pelajar juga diingatkan untuk mematuhi peraturan berpakaian seperti yang telah ditetapkan dalam petikan Akta Universiti dan Kolej 1971 Perlembagaan Universiti Putra Malaysia (Arahan Am Peperiksaan).

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan.

Yang benar,
UPM Education & Training

NURHAFIZA BINTI NASIR

Eksekutif Kanan
Unit Akademik